



# MEMO

No. Rujukan : KSB/PASSKESELAMATAN/SEC/26/07-08  
Tarikh : 15 Julai 2025  
Kepada : Semua Penyewa KSB  
Daripada : Pengurus Keselamatan, PBKSB

## **PERMOHONAN TAPISAN KESELAMATAN (MAKLUMAT DIRI) DI DALAM SISTEM E-VETTING 3.0 UNTUK PENGELUARAN PAS KESELAMATAN (KAD PEKERJA) TAHUN 2027**

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa semua penyewa **DIWAJIBKAN** mendaftarkan maklumat diri masing-masing di dalam **Sistem e-Vetting 3.0** bagi tujuan tapisan keselamatan untuk pengeluaran Pas Keselamatan (Kad Pekerja) Tahun 2027.

Bagi penyewa yang telah berdaftar di dalam Sistem E-Vetting 3.0, tiada tindakan lanjut diperlukan dan tidak perlu mengemukakan semula maklumat diri.

Keperluan ini terpakai kepada semua penyewa, sama ada warganegara Malaysia atau bukan warganegara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Sistem e-Vetting 3.0 **HANYA** melibatkan pekerja bukan warganegara yang berkhidmat sebagai **tenaga kerja professional sahaja**, selaras dengan garis panduan yang berkuat kuasa.


Rujukan kelulusan ini adalah mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) Bil. 1 Tahun 2025** yang telah bersidang pada 4 Mac 2025 dengan kelulusan pindaan kepada Garis Panduan Permohonan Menggunakan Pekerja Asing di Sasaran Penting (SP) dan Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL).

Kegagalan penyewa untuk mematuhi keperluan ini akan mengakibatkan Pas Keselamatan Tahun 2027 tidak dapat diproses atau dikeluarkan kepada penyewa berkenaan sehingga keperluan tersebut dipenuhi.

Sistem e-Vetting 3.0 ini boleh dilayari di pautan eVetting: <https://evetting3.cgso.gov.my/>  
Dilampirkan sekali **Panduan Permohonan Tapisan Keselamatan.**

Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian, harap maklum.

***"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"***



**(DSP/PB MOHD AZRIL ALIFF BIN JUSOH)**

Pengurus Keselamatan,  
Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.